



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4,
62100 W.P. PUTRAJAYA**

**Telefon : 03-8891 5555
Fax : 03-8891 5557
Kawat : "MINRUMAH"
http : [://www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : [kpkt_gov](#)
Facebook: [KPKTMalaysia](#)**

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.40 (10)
Tarikh: 5 Julai 2012

SIARAN MEDIA

PROJEK TERBENGKALAI TAMAN RAYA INDAH BERJAYA DIPULIHKAN

KULIM, 5 Julai 2012 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyerahkan kunci kepada pembeli rumah Taman Raya Indah pada pagi ini. Projek ini telah dimulakan kerja pemulihannya pada 17 Ogos 2011 telah 95% siap. Peratusan siap ini adalah menepati sasaran pemulihan projek dalam masa setahun dari tarikh dimulakan kerja pemulihan. Bagi projek pemulihan ini, Kerajaan menyumbangkan RM7.8 juta bagi memulihkan rumah yang mempunyai pembeli iatu 48 unit sahaja. Pembayaran ini akan dilaksanakan setelah projek siap dengan CFO. Majlis Perbandaran Kulim dijangka memberikan CFO dalam tempoh dua minggu.

Projek Taman Raya Indah adalah sebuah projek perumahan yang dimajukan oleh syarikat Cosmopolitan Sdn. Bhd. di atas tanah lot 488-489 seluas 30.38 ekar di Kulim, Kedah milik syarikat tersebut. Kerja pembinaan telah bermula pada tahun 2000 dan sepatutnya siap pada tahun 2002. Tahap kemajuan projek adalah lembap dan telah terhenti pada tahun 2010 kerana pihak pemaju telah menghadapi masalah kewangan dan aliran tunai. Jualan yang kurang memuaskan bagi unit Rumah Teres Dua Tingkat dan Rumah Kedai turut menyumbang kepada faktor projek ini terhenti. Susulan daripada penggulungan syarikat Cosmopolitan Sdn. Bhd pada 27 Oktober 2010, Mahkamah telah melantik Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. sebagai pelikuidasi projek bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal syarikat tersebut. Getinas Sendirian Sdn. Bhd pula adalah kontraktor penyelamat.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran pegawai kanan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perumahan Negara, Pegawai kanan Kerajaan Negeri Kedah, Hall Chadwick *Corporate Advisory* Sdn. Bhd, Getinas Sendirian Sdn. Bhd dan pembeli rumah. Kejayaan pemulihan projek terbengkalai rumah teres satu tingkat ini adalah tanda perhatian Kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my